

Amalan Bermaafan Membina Jatidiri Muslim

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ
الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا الْعَظِيمِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ
وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Hari ini merupakan Jumaat pertama kita dalam bulan Syawal setelah bulan Ramadan yang mulia meninggalkan kita. Marilah kita mempertingkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. dengan memperbanyakkan berdoa memohon kepada-Nya, agar kemanisan ibadah yang telah kita kecapai dalam bulan Ramadan dapat kita rasai pada bulan-bulan yang menyusul.

Saudaraku yang dikasihi,

Salah satu amalan yang menjadi kebiasaan atau adat bagi masyarakat kita di dalam bulan Syawal ini adalah untuk saling bermaaf-maafan sesama ahli keluarga dan kenalan. Meskipun menurut ajaran Islam, amalan ini tidak dikhaskan kepada bulan Syawal sahaja, namun sikap memaafkan sesama umat Islam

adalah salah satu sikap terpuji yang sangat dianjurkan oleh agama. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-A'raf ayat 199:

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ ﴿١٩٩﴾

Yang bermaksud: *“Terimalah kemaafan, dan perintahkan melaksanakan kebaikan, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil”*.

FirmanNya lagi dalam surah an-Nur ayat 22:

وَلَا يَأْتِلْ أَوْلُوا الْفَضْلِ مِنْكُمْ وَالسَّعَةِ أَنْ يُؤْتُوا أَوْلِي
الْقُرْبَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْمُهَاجِرِينَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ
وَلِيَعْفُوا وَلِيَصْفَحُوا ۗ أَلَا تُحِبُّونَ أَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَكُمْ
وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٢٢﴾

Yang bermaksud: *“Dan janganlah orang-orang yang memiliki harta serta kelapangan hidup dari kalangan kamu, bersumpah tidak mahu lagi memberi bantuan kepada kaum kerabat dan orang-orang miskin serta orang-orang yang berhijrah pada jalan Allah dan (sebaliknya) hendaklah mereka memaafkan serta melupakan kesalahan orang-orang itu; tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu? Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani”*.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Sifat pemaaf dan memberi kemaafan kepada orang lain mencerminkan salah satu sifat Allah s.w.t. yang Maha Pengampun. Ayat di atas menerangkan, bahawa sebagaimana kita ini sentiasa mengharapkan pengampunan dan kemaafan dari Allah s.w.t. dan merasakan gembira tatkala menerima keampunan daripada Allah s.w.t.; Maka begitulah juga perasaan saudara-saudara kita apabila kita saling bermaafan. Sikap ini juga membawa kesan positif kepada jiwa manusia yang secara nalurinya tertarik kepada ketenangan dan kebebasan. Kebebasan daripada belenggu hasad dan dendam yang dialami oleh jiwa yang sukar untuk memaafkan orang lain.

Sekiranya kita jatuh ke dalam kancah hasad dengki ini, kita akan cenderung untuk mendoakan pelbagai perkara buruk terhadap orang lain seperti kurang rezekinya, ditimpa bencana dan sebagainya. Lebih buruk lagi sekiranya kita terjerumus pula di dalam perkara yang haram serta syirik seperti menggunakan ilmu hitam, bomoh, tangkal dan sebagainya yang dilarang agama dan boleh merosakkan aqidah dan iman kita. Wal 'iyaazu billah!. Oleh itu, jangan kita ambil ringan isu ini. Ia berpunca dari sifat hasad dan dengki yang lahir dari hati yang tidak sedia memberi kemaafan.

Saudaraku,

Sikap pemaaf juga merupakan salah satu daripada sifat terpuji junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. Terdapat banyak kisah dalam riwayat hidup Nabi s.a.w. di mana tatkala baginda dikecam dan diancam, baginda tidak membalas kembali kejahatan tersebut, malah baginda mengampunkan orang-orang yang menzaliminya. Subhanallah! Betapa mulianya peribadi Rasulullah s.a.w. Beliau bukan sahaja sedia memaafkan kesilapan teman dan kawan, bahkan baginda bersedia untuk memaafkan kesalahan lawan dan mereka yang memusuhi baginda.

Diriwayatkan oleh Ibn Hisham bahawa seorang bernama Fudhaalah ibn Umair telah berusaha untuk membunuh Baginda s.a.w. ketika nabi s.a.w. menawan kota Makkah. Maka Fudhaalah berusaha untuk mendekati Nabi s.a.w. yang sedang melaksanakan tawaf di Ka'bah. Setiap kali Fudhaalah mendekati Rasul, Rasulullah s.a.w. akan berpaling ke arah Fudhaalah sambil tersenyum, lalu Nabi berkata: *“Apa yang engkau simpan di hatimu wahai Fudhaalah?”* Fudhaalah menjawab: *“Aku ini hanya berzikir kepada Allah”*. Maka Rasulullah s.a.w. meletakkan tangan baginda di dada Fudhaalah sambil mengusapnya. Maka Fudhaalah berkata: *“Demi Allah di saat Rasulullah meletakkan tangannya di atas dadaku, tidak ada manusia yang paling aku benci di atas muka bumi ini melebihi dirinya. Namun setelah tangannya diangkat*

dari dadaku, tidak ada manusia yang paling aku cintai di atas muka bumi ini melebihi dirinya."

Hadirin yang saya kasihi,

Tidakkah kita mahu mencontohi sifat Baginda yang mulia ini?

Lalu kita memaafkan kesilapan orang lain terhadap diri kita.

Mengapa perlu berdendam, bermusuhan antara keluarga dan teman, sehingga bertahun lamanya tidak bertegur sapa?

Memang tidak mudah untuk memaafkan seseorang, lebih-lebih lagi apabila kita telah disakiti atau dizalimi. Al-Quran juga mengiktiraf bahawa balasan kejahatan adalah kejahatan juga. Namun Allah s.w.t. mengajar kita bahawa, memaafkan adalah diutamakan dan amat digalakkan dan Allah menjanjikan ganjaran yang besar di sebaliknya. Allah berfirman dalam surah As-Syura ayat 40:

وَجَزَاءُ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا ۗ فَمَنْ عَفَا وَأَصْلَحَ فَأَجْرُهُ
عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿٤٠﴾

Yang bermaksud: *"Dan (jika kamu hendak membalas maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang*

sebaik-baiknya). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim”.

Dengan memaafkan orang lain tidak bermakna kita lemah, malah ia membentuk dan meningkatkan lagi sifat sabar dalam diri kita. Dengan bersabar, kita dapat menundukkan sikap ego dalam diri kita, membentuk jiwa yang lebih lembut, dan bersih lagi suci, sesuai dengan semangat Aidilfitri yang mengajak kita membersihkan diri seperti fitrahnya jiwa orang-orang yang beriman. Imam As-Syafi'i berkata yang bermaksud: *“Apabila diriku mula memaafkan dan tidak pula ia berbusuk hati terhadap sesiapa; maka jiwaku merasakan ketenangan daripada sebarang perasaan permusuhan”.*

Semoga kita memperoleh keampunan daripada Allah s.w.t., dan ditingkatkan rasa kasih sayang dan ihsan terhadap sesama ahli keluarga dan umat Islam. Semoga kita memperoleh kejayaan di dunia dan di akhirat, dan sama-sama dibangkitkan di kalangan orang-orang yang beriman dengan sebenar-benar keimanan. Amin ya Rabbal Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.